



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Sabtu, 25 Februari 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Kongsi rezeki jual ayam goreng RM1

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	16

Kongsi rezeki jual ayam goreng RM1

GEORGE TOWN – Walaupun hanya memperoleh sedikit keuntungan, seorang peniaga nekad mengekalkan harga jualan ayam gorengnya iaitu RM1 seketul sejak tiga tahun lalu kerana mahu berkongsi rezeki dengan golongan kurang berkemampuan.

Fadzil Nusi, 36, berkata, walaupun terkesan dengan kenaikan harga bahan mentah, namun dia masih mampu bertahan untuk meneruskan perniagaan kecil-kecilan di kawasan parkir motosikal flat Bukit Gedung, Bayan Baru di sini.

Menurutnya, gerainya itu seringkali menjadi tumpuan pelanggan terdiri kanak-kanak dan dewasa pelbagai peringkat usia serta bangsa.

"Saya kekal menjual ayam goreng pada harga RM1 sehingga ke hari ini kerana mahu membantu keluarga berpendapatan rendah termasuk mereka mempunyai anak ramai.

"Saya pasti, dalam keadaan ekonomi tidak menentu, lauk

ayam bukan lagi menu wajib kebanyakan orang," katanya.

Fadzil berkata, secara puratanya, kira-kira 100 ketul ayam goreng yang dimasak dengan aduan tepung sendiri habis dijual hampir setiap hari.

"Paling tersentuh apabila ada pelanggan memberitahu hanya dapat merasai hidangan ayam sekali sahaja sebulan menyebabkan saya tidak menaikkan harga jualan ayam goreng.

"Memang untung tidak banyak tetapi saya puas hati kerana dapat membantu orang selain melihat kegembiraan anak-anak kecil menikmati ayam goreng," ujarnya.

Selain itu, Fadzil turut menyediakan tempahan tepung ayam goreng rangup yang dihasilkannya mengikut resepi sendiri buat kenalan niaganya.

"Jika diberi peluang suatu hari nanti, saya berhasrat untuk meluaskan perniagaan ini selain memperkenalkan jenama tepung goreng ayam saya sendiri," tambahnya.



FADZIL menunjukkan ayam goreng RM1 yang dijual di gerainya di Bukit Gedung, Bayan Baru George Town semalam.

Tambah pekerja asing atasi kekurangan bekalan ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Malaysia Gazette	Online	

Tambah pekerja asing atasi kekurangan bekalan ayam, telur – Mat Sabu



Mohamad Sabu (tengah) merasmikan Program Jelajah Agrotourism dan Agroyouth di Pulau Pinang hari ini.

GEORGE TOWN – Kerajaan sedang menambah pekerja asing di sektor peladangan dan penternakan bagi menangani masalah bekalan telur dan ayam mentah menjelang Ramadan ini.

Ia susulan tindakan pemutihan yang dilaksanakan terhadap 200,000 pekerja asing dalam negara sejak Januari lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bekerjasama itu dilakukan dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia.



Mohamad Sabu.

“Kita dapati selain daripada kekurangan makanan untuk ternakan seperti soya dan jagung, faktor kekurangan pekerja di sektor ini turut menjadi punca bekalan telur serta ayam terjejas.

“Susulan itu, kita telah mengadakan perbincangan dengan pengusaha telur dan ayam untuk menambah pekerja di ladang yang memerlukan,” katanya yang dikenali Mat Sabu kepada pemberita hari ini.

Terdahulu, Mohamad merasmikan Program Jelajah Agrotourism dan Agroyouth di Padang Kota.



Mohamad Sabu (tengah) menyampaikan Geran Agropreneur Muda kepada salah seorang peserta.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MAFS, Datuk Lokman Hakim Ali dan Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Pulau Pinang, Norlela Ariffin.

Tambah Mohamad, pihaknya memberi kelonggaran syarat pengambilan pekerja asing supaya menjadi ia menjadi pemudahcara terhadap peladang serta penternak.

“Antara pemudahcara termasuk membolehkan peladang menggajikan pekerja asing menerusi program pemutihan sekali gus mereka dapat bekerja secara sah di negara ini,” kata beliau.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata, kerajaan memberi jaminan bekalan makanan negara akan sentiasa mencukupi meskipun harganya selalu mengalami kenaikan serta penurunan atas pelbagai faktor.

“Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) peringkat antarabangsa meletakkan Malaysia tahun lepas markah 100 ertinya kita tiada rakyat sampai tak ada makanan.

“Mungkin harga naik dan turun tapi makanan ada dan kita tak menerima bantuan antarabangsa dari sudut makanan,” ujar beliau. – MalaysiaGazette

Kekurangan bekalan ayam, telur diatasi menjelang Ramadhan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Online	

Kekurangan bekalan ayam, telur diatasi menjelang Ramadan



GEORGETOWN: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yakin, masalah kekurangan bekalan telur dan ayam menjelang Ramadan ini, dapat diatasi susulan program pemutihan lebih 200,000 pekerja asing yang giat dilakukan sejak bulan lalu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ini kerana masalah kekurangan tenaga buruh terutamanya dalam sektor perladangan dan penternakan menjadi

antara punca krisis bekalan bahan mentah itu berlaku di negara ini.

"Kita sudah berbincang dengan pengusaha dan sekarang tempat yang berdepan masalah kekurangan pekerja sedang dalam proses penambahan kerana kerajaan sejak Januari telah melonggarkan syarat pengambilan pekerja asing dengan lebih 200,000 telah berjaya didaftarkan.

"Mereka ini akan bekerja di premis seperti ladang ternakan ayam dan lain-lain sektor perladangan yang memerlukan pekerja," katanya selepas merasmikan Jelajah Agropelancongan dan Agrobelia di sini, hari ini.

Mohammad menjelaskan, dalam soal itu kerajaan menjadi pemudah cara, terutamanya dalam mengeluarkan permit kepada tenaga buruh asing yang sudah berada dalam negara, dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan Kementerian Sumber Manusia supaya golongan tersebut dapat bekerja secara sah.

Katanya, kenaikan harga bahan mentah masih berpunca daripada kenaikan harga soya dan jagung yang bergantung kepada pasaran import memandangkan pengeluaran jagung dalam negara tidak sesuai untuk makanan haiwan.

"Jagung bijiran untuk haiwan baru mula ditanam di Perlis dan tahun ini kita akan buat secara besar-besaran supaya jagung jenis itu ada di Malaysia dan dapat tampung sebahagian (bekalan) Insya-Allah harga ayam akan dapat dikawal dengan lagi baik," katanya.

Beliau turut berkata, pihaknya memberi jaminan bekalan makanan masih mencukupi biarpun harganya sentiasa mengalami kenaikan dan penurunan disebabkan pelbagai faktor.

"Tahun lalu, FAO (Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia) meletakkan Malaysia dengan markah 100 (peratus), ertinya tiadalah rakyat kita (yang) sampai tiada makanan langsung (kerana masalah bekalan).

"Mungkin harga naik dan turun tetapi (bekalan) makanan ada dan tidak menerima bantuan antarabangsa dari sudut makanan tidak seperti negara-negara di Afrika," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Sabah dan Sarawak dilihat antara negeri yang berpotensi menawarkan ruang untuk memastikan keterjaminan makanan negara dalam jangka masa panjang.

"Kerajaan Sarawak juga akan membantu kerana mempunyai tanah yang luas.

Dakwa pemilik sebabkan kematian, jika ternakan jadi punca nahas maut

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Online	

'Dakwa pemilik sebabkan kematian, jika ternakan jadi punca nahas maut' - peguam

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim - Februari 25, 2023 @ 7:00pm
nfazlina@nstp.com.my



Lima sekeluarga cedera selepas kereta dinaiki melanggar seekor kerbau yang berkeliaran di atas jalan raya, di Jalan Pasir Puteh-Tok Bali, pada malam Khamis lalu. - Foto tular

KOTA BHARU: Seorang peguam kanan menyarankan supaya pemilik ternakan yang **membiarkan haiwan peliharaan** berkeliaran hingga menyebabkan kemalangan maut, didakwa menyebabkan kematian kerana kecuai.

Hasif Hasan berpendapat, sudah tiba masanya pemilik binatang ternakan ditangkap dan dihukum atas kecuai mereka yang menyebabkan kecederaan dan kematian pengguna jalan raya.

Pada masa sama katanya, pihak berwajib juga perlu melaksanakan undang-undang untuk mengenal pasti binatang ternakan, seperti meletakkan tag pada telinga binatang berkenaan bagi memudahkan mengesan pemilik binatang sekiranya berlaku sebarang kejadian.

"Saban hari kita membaca kes kemalangan jalan raya membabitkan haiwan ternakan yang lepas bebas berkeliaran di jalan raya.

"Apabila berlaku kemalangan, netizen mula berdebat dan menyalahkan tuan binatang ternakan. Kemudian senyap dan tiada penyelesaian. Kemudian, berlaku kemalangan lagi, netizen berdebat semula.

"Bak kata netizen 'sampai abang jamil mampus' masih belum selesai. Sedangkan jika binatang mereka dicuri, cepat sekali mereka mengambil tindakan mengaku sebagai pemilik binatang dan membuat laporan polis terhadap pencuri.

"Justeru, pihak berwajib perlu proaktif untuk menyelesaikan masalah ini," katanya menerusi perkongsian di Facebook hari ini.

Mengulas lanjut, Hasif berkata, pada pandangannya, pemilik **binatang ternakan** yang dianggap cuai boleh didakwa mengikut Seksyen 304A Kanun Kesiksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua dua sekali.

"Sama ada tindakan pemilik binatang ternakan adalah cuai atau sebaliknya, mahkamah akan menentukan.

"Kecuaian pemilik binatang ternakan wajar dihukum dengan undang-undang yang ada," tegasnya.